

01 DEC 1997

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA LAOS

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja`afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengirimkan perutusan tahniah kepada Presiden Laos, Nouhak Phoumsavanh sempena sambutan hari kemerdekaan negara Indochina itu.

"Kami gembira kerana hubungan baik dan kerjasama rapat antara kedua-dua negara terus berkembang dalam tempoh beberapa tahun ini," titah Seri Paduka dalam perutusan itu yang dikeluarkan Wisma Putra di sini.

Tuanku Ja`afar juga berharap Phoumsavanh dan rakyat Laos akan menikmati kehidupan yang sihat, maju dan makmur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula mengucapkan tahniah kepada rakan sejawatannya Khamtay Siphandone.

"Saya bersedia untuk bekerja dengan lebih rapat dengan anda untuk menggalakkan hubungan dan kerjasama lebih rapat antara kedua-dua negara yang akan memberi manfaat kepada rakyat untuk jangka masa akan datang," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mengirim perutusan yang serupa kepada Menteri Ehwat Luar Laos Somsavat Lengsavad dengan mengulangi komitmen Malaysia untuk meningkatkan kerjasama dua hala demi kemajuan Asean. -- BERNAMA

HS RHM